



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perak

VOLUME 2 (2) SEPTEMBER

2021

E S L A

INTERNATIONAL JOURNAL FOR
EDUCATIONAL SCIENCE & LANGUAGE
ARTS

LET'S PUBLISH WITH US!

SUBMIT TO
eslaapb@gmail.com

VISIT US AT
<https://perak.uitm.edu.my>
or
<https://eslauptmperak.wixsite.com/esla>

SUBMISSION DEADLINE

16 AUGUST 2021



Table of Content

Title	Page
Persepsi Pelajar Mengenai Facebook dalam Mempelajari Kemahiran Bertutur Bahasa Arab <i>Students' Perceptions of Facebook in Learning Arabic Speaking Skill</i>	1-10
Challenges Faced by Undergraduate Students in Mandarin Language ODL during Movement Control Order Period	11-28
Aplikasi Mudah Alih Pembelajaran Asas Bahasa Arab bagi Peringkat Sekolah Rendah	29-41
Vocabulary Learning Strategies among University Science Islamic Malaysia (USIM) Mandarin Learner	42-58

APLIKASI MUDAH ALIH PEMBELAJARAN ASAS BAHASA ARAB BAGI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

Hazrati Yahaya¹ (hazrati87@uitm.edu.my)
Hanis Najwa Shahrudin¹ (hanisnajwa@uitm.edu.my)
Fudzla Suraiyya Abdul Raup¹ (fudzlasuraiyya@uitm.edu.my)
Nor Zahidah Ahmad¹ (zahidahahmad@uitm.edu.my)
Muhammad Hatta Shafri¹ (muhammadhatta@uitm.edu.my)
Muhammad Zahfri Mohammad Nazmi¹ (zhafrinazmi@uitm.edu.my)
Ibrahim Youssef Abdelhamid² (yosuffi@yahoo.com)

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam

²Kolej Islam Assofa, Ampang

ABSTRAK

Dunia teknologi dan komunikasi yang semakin berkembang pesat telah memberi kesan secara langsung kepada bidang pendidikan. Oleh itu, perubahan terhadap kaedah penyampaian perlu selari dengan kehendak pendidikan abad ke-21. Namun begitu pendekatan yang digunakan dalam penyampaian yang digunakan pada masa sekarang masih bercirikan konvensional. Rentetan daripada itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk membangunkan aplikasi mudah alih pembelajaran asas bahasa Arab bagi peringkat sekolah rendah dengan hanya membataskan kemahiran bertutur. Model reka bentuk instruksi Hanafin dan Peck dengan sedikit pengubahsuaian digunakan dalam proses pembangunan aplikasi mudah alih ini dan ia dijadikan sebagai panduan aliran kerja. Hasil daripada pembangunan prototaip aplikasi mudah alih bahasa Arab tersebut dinilai menerusi kaedah kuantitatif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Data-data yang dikumpul melalui 30 orang guru bahasa Arab dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Bagi proses penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Ramlee & Norani (2007). Hasil dapatan kajian mendapati nilai min yang diperolehi daripada kandungan dan keseluruhan prototaip aplikasi mudah alih berada pada interpretasi min yang sangat setuju. Dapatan ini secara kesimpulannya dapat menggambarkan bahawa prototaip aplikasi mudah alih pembelajaran asas bahasa Arab yang dibangunkan boleh dipertingkatkan lagi pembangunannya. Kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk memberi faedah kepada para guru dan juga pelajar dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab.

Kata kunci: Bahasa Arab, Kemahiran Bertutur, Aplikasi mudah alih, Sekolah Rendah

PENGENALAN

Seiring dengan peredaran zaman, arus perkembangan teknologi semakin terus berkembang. Situasi ini memberi impak kepada semua aspek dan termasuk aspek pendidikan yang juga tidak terlepas daripada mengikuti perkembangan semasa. Rentetan daripada itu, banyak perubahan yang telah berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang memfokuskan pada pembelajaran abad ke 21.

Antara konsep yang terkandung dalam pendidikan abad ke 21 adalah 'kreativiti' iaitu para pendidik perlu menerapkan elemen kreatif pada bahan pengajaran, aktiviti di dalam kelas dan juga semasa proses pengajaran dilaksanakan agar pelajar-pelajar dapat berfikir secara kreatif. Elemen-elemen kreatif tersebut boleh dipamerkan melalui medium teknologi dan rentetan daripada itu ia dapat memenuhi tuntutan anjakan ke 7 iaitu mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Salah satu platform teknologi yang boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa asing adalah aplikasi mudah alih. Banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran bahasa (Choa et. al, 2019; Penkhae, 2020). Aplikasi mudah alih telah digunakan secara meluas dalam pembelajaran bahasa, misalnya dalam bahasa Inggeris. Salah satu aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mempelajari bahasa Inggeris adalah Duolingo. Dalam kajian Inayah et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan Duolingo dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris. Dengan menggunakan aplikasi ini, kajian mendapati bahawa pelajar menunjukkan persepsi positif. Kajian ini juga menyoroti kegunaan Duolingo sebagai aplikasi mudah alih dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, aplikasi mudah alih juga mampu untuk meningkatkan keyakinan pelajar dan ini terbukti menerusi kajian yang dilakukan oleh Kamal (2020).

SOROTAN LITERATUR

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada tiga bahasa utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Pengkaji sejarah telah menambah dua lagi bahasa menjadikan kesemuanya lima bahasa utama yang telah memberi sumbangan besar dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Cina Kuno, bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Greek dan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hanya bahasa Arab yang masih digunakan dan terus berkembang sehingga kini (Abd. Razak Abu Chik, 2007).

Secara umumnya, dalam pembelajaran bahasa terdapat 4 kemahiran yang dititikberatkan iaitu kemahiran bertutur, membaca, menulis dan mendengar. Justeru, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia memfokuskan kepada penguasaan pelajar terhadap 4 kemahiran bahasa antaranya ialah kemahiran bertutur (Awatif et al., 2016). Namun, penguasaan bahasa Arab terutamanya kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar pada masa kini masih berada pada tahap yang kurang memberangsangkan walaupun Malaysia adalah antara negara yang menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa ketiga (Mohammad et al., 2019). Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya permasalahan dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab.

Faktor utama adalah disebabkan kekurangan kosa kata. Ia merupakan masalah utama yang menjadikan pelajar tidak mampu untuk bertutur bahasa Arab dengan fasih dan lancar (Sueraya et al., 2016). Kekurangan kosa kata juga berkait rapat dengan kandungan yang ingin disampaikan. Kadangkala pelajar mungkin

mempunyai idea untuk dikongsi dengan rakan kongsi tetapi tidak dapat menyatakannya dengan kata-kata yang sesuai. Pada masa lain, pelajar mungkin mempunyai perbendaharaan kata yang tepat tetapi tidak mempunyai idea untuk menerapkannya. Perbendaharaan kata yang terhad dan tatabahasa yang baik tidak mencukupi untuk bertutur dalam bahasa Arab. Selain itu, antara isu lain yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan masalah kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing adalah tahap keyakinan pelajar ketika hendak bertutur bahasa Arab. Hal ini berlaku kerana bahasa Arab bukan bahasa ibunda mereka dan menyebabkan mereka risau sekiranya pertuturan bahasa Arab mereka disenda guraukan oleh rakan-rakan mereka (Mohammad et al., 2020).

Pembelajaran bahasa adalah pembelajaran yang memerlukan kreativiti daripada seorang guru. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran memerlukan pendekatan pengajaran yang pelbagai dan menarik. Kesan daripada itu ia dapat menjadikan pembelajaran bahasa lebih menyeronokkan dan berkesan, di samping mampu untuk menggerakkan pelajar sentiasa aktif dan bermotivasi sepanjang mengikuti aktiviti pembelajaran yang sedang berlangsung (Salehudin et al., 2015). Namun begitu, penggunaan pendekatan pengajaran yang hanya bertumpu kepada beberapa pendekatan pengajaran sahaja dan tidak mempelbagaikan aktiviti berbahasa akan memberi kesan negatif terhadap penguasaan kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar bahasa Arab (Zawawi Ismail et al., 2011).

Sebahagian besar pelajar dan juga para guru mempunyai telefon pintar dan ia menjadi satu kemestian bagi setiap individu untuk memilikinya. Namun malangnya, sebilangan mereka tidak menggunakannya untuk tujuan pendidikan atau untuk mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa ketiga (Ducate & Lomicka, 2013). Sebenarnya telefon pintar boleh digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab. Ini kerana terdapat pelbagai aplikasi mudah alih yang boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar. Namun pemanfaatan aplikasi mudah alih dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab masih terhad di Malaysia. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan aplikasi mudah alih yang bertepatan dengan kehendak kurikulum kurang di pasaran dan sukar untuk memperolehnya. Oleh itu, langkah penyelesaian perlu diambil dengan membangunkan aplikasi mudah alih pembelajaran asas bahasa Arab bagi peringkat sekolah rendah dengan mengintegrasikan elemen didik hibur seperti nyanyian, lakonan dan juga permainan.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk membangunkan aplikasi mudah alih asas bahasa Arab bagi peringkat sekolah rendah yang mengaplikasikan elemen-elemen didik hibur seperti lakonan, permainan nyanyian dan elemen-elemen yang membantu ke arah penguasaan kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar bahasa Arab. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Membangunkan satu aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab Pintar bagi peringkat sekolah rendah yang memfokuskan kepada kemahiran bertutur.
2. Mengenalpasti keberkesanan aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab Pintar daripada perspektif guru-guru bahasa Arab.

METODOLOGI

Dalam kajian pembangunan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini, model reka bentuk instruksi Hanafin & Peck (1988) digunakan sebagai panduan aliran kerja. Model ini mempunyai 3 fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk dan fasa pelaksanaan. Setiap fasa yang terdapat dalam model tersebut akan diuji, dinilai dan disemak dengan tujuan untuk mengenalpasti keberkesanan secara berterusan. Namun untuk kajian ini, sedikit pengubahsuaian telah dilakukan terhadap model tersebut seperti yang dipaparkan pada Rajah 1. Setiap fasa yang terdapat dalam model mempunyai beberapa komponen yang perlu dituruti. Komponen-komponen yang terkandung dalam setiap fasa itu dibuat dengan merujuk kepada kajian-kajian pengkaji terdahulu (Baharuddin et al., 2002).



Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kuantitatif. Responden yang terlibat adalah seramai 30 orang guru bahasa Arab. Guru-guru tersebut terdiri daripada 5 buah sekolah rendah di daerah Petaling iaitu Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Sekolah Kebangsaan Bandar Anggerik, Sekolah Kebangsaan Seksyen 4, Sekolah Kebangsaan Seksyen 27(2) dan Sekolah Kebangsaan Seksyen 6. Pemilihan kelima-lima buah sekolah ini dibuat adalah disebabkan setiap sekolah tersebut mempunyai 5-6 orang guru untuk mata pelajaran bahasa Arab dan keadaan ini berbeza dengan sekolah di daerah-daerah lain yang hanya mempunyai 1-2 orang guru sahaja. Data-data dikumpul menerusi instrumen kajian iaitu borang soal selidik. Item-item yang terdapat dalam borang soal selidik ini dibina berdasarkan pada objektif kajian yang ditetapkan dan memfokuskan kepada keberkesanan aplikasi mudah alih pembelajaran asas bahasa Arab daripada perspektif guru-guru bahasa Arab. Instrumen soal selidik ini mempunyai 2 bahagian iaitu kandungan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar dan juga keseluruhan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar. Kesemua item-item itu dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan statistik diskriptif seperti min, peratusan dan kekerapan. Analisis item-item tersebut adalah merujuk kepada Interpretasi julat skor min seperti yang dipaparkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Julat Min

Skor Min	Singkatan	Penjelasan
1.00 hingga 1.80	STS	Sangat Tidak Setuju
1.81 hingga 2.60	TS	Tidak Setuju
2.61 hingga 3.40	TP	Tidak Pasti
3.41 hingga 4.20	S	Setuju
4.21 hingga 5.00	SS	Sangat Setuju

Sumber: Ramlee & Norani (2007)

Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Bahasa Arab

Beberapa perisian digunakan bagi tujuan membangunkan aplikasi mudah alih bahasa Arab. Perisian yang digunakan sebagai tapak utama adalah *Adobe Flash Professional CS6* di samping penggunaan perisian-perisian lain seperti *After Effect CS6*, *Adobe Premier CS6*, *Adobe Illustrator CS6*, *Adobe Photoshop CS6*, *Adobe Audition CS6* dan *Microsoft Word 2013*. Antara menu yang dibangunkan terlebih dahulu adalah montaj kemudian diikuti dengan menu-menu yang lain seperti menu utama, menu pembelajaran, menu kosa kata, menu permainan, menu nyanyian dan menu aktiviti. Pengguna diberi pilihan untuk menetapkan arah penjelajahan terhadap penggunaan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini. Ini kerana kesemua menu tersebut saling dihubungkan antara satu sama lain menerusi paparan antaramuka dengan menu pilihan navigasi untuk mencapai mana-mana menu yang mereka mahu. Menu-menu yang terdapat dalam aplikasi mudah alih bahasa Arab diperincikan seperti di bawah:

1. Skrin menu pengenalan

Aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar dimulakan dengan paparan skrin montaj dan skrin tersebut dipaparkan untuk beberapa saat. Skrin montaj ini dihiasi dengan animasi yang menarik serta audio berbahasa Arab yang memberi kata-kata aluan kepada pengguna. Kemudian skrin pengenalan akan muncul selepas skrin montaj. Skrin pengenalan memaparkan kesemua tajuk yang terkandung dalam buku teks bahasa Arab tahun satu seperti *ahlan wasahlan*, *usrati*, *ana walhuruf*, *madrasati*, *yaumi*, *adwati*, *mana ana*, *raqami* dan *fasli*. Walaubagaimanapun, hanya tajuk *ahlan wasahlan* sahaja yang diaktifkan dan tajuk tersebut dipaparkan dengan tulisan **bold**. Tajuk itu juga akan diterjemahkan kepada bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu menerusi teks jawi dan juga rumi sekiranya penunjuk tetikus dilalukan (*mouse over*) pada tajuk tersebut. Terdapat butang navigasi seperti butang keluar disediakan. Butang keluar itu terdapat di sudut kanan bawah. Ia ditinggalkan secara kekal di situ dari skrin pertama hingga skrin terakhir. Paparan skrin pengenalan dapat dilihat seperti pada Rajah 1.



Rajah 2 : skrin menu pengenalan

2. Skrin menu utama

Skrin menu utama seperti yang dipaparkan pada Rajah 2 mempunyai dua bahagian yang terdiri daripada bahagian tengah dan juga bahagian bawah. Di bahagian bawah memaparkan arahan dalam bahasa Arab dan akan diterjemahkan ke bahasa Melayu sebaik sahaja tetikus dilalukan. Manakala pula bahagian tengah menempatkan enam bebutang yang mewakili enam menu iaitu menu kosa kata, menu pembelajaran, menu lakonan, menu aktiviti, menu nasyid dan menu permainan. Kesemua enam bebutang ini mengaplikasikan elemen interaktiviti. Pengguna boleh memilih mana-mana menu yang dikehendaki tetapi pengguna digalakkan untuk memulakan penjelajahan aplikasi Bahasa Arab Pintar ini dengan menu pembelajaran terlebih dahulu supaya dapat memahami kandungan maklumat pada tajuk yang ingin dipelajari.



Rajah 3 : skrin menu utama

3. Skrin menu pembelajaran

Menu pembelajaran seperti yang terpapar pada Rajah 3 adalah di antara menu yang paling penting dan ia juga merupakan menu yang utama di dalam aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar. Menu ini memaparkan intipati pembelajaran tajuk *ahlan washalan* seperti yang dipaparkan pada Rajah 3. Menerusi menu pembelajaran ini, pengguna akan mempelajari ucapan-ucapan harian seperti *sobahalkhair*, *masaalkhair* dan lain-lain. Kandungan pembelajaran yang terdapat di dalam skrin ini dipersembahkan dalam bentuk yang ringkas tetapi padat dengan tujuan untuk memudahkan pengguna memahami kandungan pembelajaran dengan baik. Penyusunan kandungan termasuk grafik dan animasi ini disusun dengan teliti supaya ia tidak kelihatan terlampau padat. Cara penggunaan menu pembelajaran ini adalah dengan hanya klik bebutang yang berwarna kuning. Terdapat enam bebutang yang dipaparkan pada skrin menu pembelajaran. Pengguna digalakkan untuk mengklik bebutang yang pertama terlebih dahulu kemudian diikuti dengan bebutang yang seterusnya. Sebaik sahaja bebutang itu diklik, maka akan terpapar dialog di antara dua orang pelajar yang sedang bertutur menggunakan kata-kata aluan tersebut. Selain itu, terdapat juga arahan yang dikemukakan di bahagian bawah dan arahan ini hadir di dalam bentuk teks serta audio.



Rajah 4 : skrin menu pembelajaran

4. Skrin menu kosa kata


Menu kosa kata turut disertakan dalam aplikasi Bahasa Arab Pintar ini dan digalakkan kepada pengguna untuk menerokainya sebaik sahaja selesai mengikuti menu pembelajaran. Kosa kata wajib dipelajari oleh pengguna bagi meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap tajuk yang dipelajari. Kosa kata yang dipaparkan disertai dengan gambar dan kosa kata tersebut adalah kata nama yang terdapat dalam tajuk *ahlan wasahlan*. Pendekatan yang digunakan di dalam menu kosa kata ini adalah pendekatan tunjuk dan sebut. Ketika pengguna mengklik pada menu kosa kata, arahan akan diperdengarkan di dalam bentuk audio yang juga disertai dengan teks berbahasa arab dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Kemudian pengguna diminta untuk mengklik bebutang kosa kata yang mewakili satu huruf. Sebaik sahaja ia diklik, beberapa gambar yang disertai dengan perkataan bahasa Arab akan terpapar. Paparan gambar itu disertai dengan audio berbahasa Arab bagi membolehkan pengguna mempelajari sebutan yang betul. Terjemahan dalam bentuk teks pada perkataan tersebut tidak disertai tetapi digantikan dengan penggunaan gambar. Keadaan ini dapat mengurangkan kadar penggunaan bahasa pertama di dalam menerangkan kandungan pembelajaran Bahasa Arab. Maka secara tidak langsung pengguna dapat mempelajari Bahasa Arab tanpa terlalu merujuk kepada Bahasa Melayu. Paparan skrin menu kosa kata ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada Rajah 4.



Rajah 5 : Skrin menu kosa kata

5. Skrin menu permainan

Aplikasi mudah alih ini Bahasa Arab Pintar juga menyediakan skrin menu permainan seperti yang dipaparkan pada Rajah 5. Menu ini disediakan untuk meningkatkan motivasi pengguna supaya kekal menggunakan aplikasi ini sehingga selesai kesemua menu di samping dapat merehatkan minda mereka. Aktiviti interaktif diaplikasikan di dalam menu permainan ini dengan menggunakan konsep klik dan padankan. Terdapat dua bahagian permainan yang dipaparkan pada menu permainan. Soalan yang disediakan di dalam menu permainan ini adalah berdasarkan kepada kandungan menu pembelajaran yang telah dipelajari sebelum ini. Pengguna akan diberikan tepukan melalui audio yang diperdengarkan apabila soalan yang dijawab oleh pengguna adalah betul dan pendekatan yang digunakan selari dengan teori kognitivisme iaitu pengguna akan mendapat maklum balas serta merta sebaik sahaja soalan selesai dijawab. Selain itu, teori behaviorisme juga diterapkan di dalam menu ini menerusi pengukuhan positif yang bersesuaian bagi menghasilkan tingkah laku yang berkekalan sehingga penghujung pembelajaran.



Rajah 6 : skrin menu permainan

6. Skrin menu main peranan (*role play*)

Menu main peranan adalah menu yang menggalakkan pengguna untuk turut berlakon atau berdialog di dalam Bahasa Arab seperti yang dipaparkan di dalam paparan main peranan. Maka secara tidak langsung ia dapat memberi peluang kepada pengguna iaitu pelajar untuk mensimulasikan diri mereka kepada kehidupan sebenar dengan bertutur di dalam bahasa Arab. Sebaik sahaja paparan menu main peranan dipamerkan, arahan di dalam Bahasa Arab akan diperdengarkan dan seterusnya para pengguna diminta untuk mengikuti arahan tersebut. Untuk paparan ini, pengguna tidak dikehendaki untuk mengklik pada mana-mana bebutang melainkan bebutang yang terdapat pada bahagian bawah kiri sekiranya pengguna ingin keluar daripada paparan ini. Paparan menu main peranan ini boleh dilihat pada gambar Rajah 6.



Rajah 7 : Skrin menu main peranan (*role play*)

7. Skrin menu aktiviti

Penilaian kepada pemahaman kandungan pembelajaran adalah melalui soalan-soalan kefahaman yang dikemukakan pada menu aktiviti. Menerusi penilaian, kita dapat mengukur sejauh mana kefahaman para pelajar terhadap kandungan pembelajaran yang telah dipelajari. Skrin menu aktiviti ini memaparkan empat bebutang yang terdapat pada bahagian kanan. Setiap bebutang mewakili satu aktiviti dan setiap bentuk

aktiviti yang dikemukakan adalah berbeza dengan aktiviti-aktiviti lain. Aktiviti-aktiviti yang dikemukakan adalah berbentuk interaktif dan terdapat arahan pada setiap aktiviti supaya pengguna mudah untuk memahami dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Skrin menu aktiviti yang dinyatakan ini dapat dilihat pada Rajah 7.



Rajah 8: skrin menu aktiviti

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh daripada data-data melalui borang selidik telah dianalisis mengikut bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik. Bahagian A merujuk kepada kandungan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar seperti yang dipaparkan pada Jadual 2 manakala bahagian B yang terdapat pada Jadual 3 merujuk kepada keseluruhan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar.

Jadual 2 : Kandungan Aplikasi Mudah Alih Bahasa Arab Pintar

Bil.	Item	Min	Interpretasi
1	Aplikasi mudah alih yang dibangunkan memenuhi dan menepati keperluan sukatan dan kurikulum bahasa Arab sekolah rendah	4.57	Sangat setuju
2	Arahan yang diberikan di dalam aplikasi mudah alih ini mudah diikuti	4.40	Sangat setuju
3	Bahasa yang digunakan di dalam aplikasi mudah alih ini mudah difahami	4.47	Sangat setuju
4	Bahasa yang digunakan di dalam aplikasi	4.47	Sangat setuju

mudah alih ini adalah
jelas

Min Keseluruhan	4.47	Sangat setuju
------------------------	-------------	---------------

Jadual 2 memaparkan statistik deskriptif bagi kandungan aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar. Item yang menunjukkan nilai min paling tinggi adalah Item 1 iaitu aplikasi mudah alih yang dibangunkan memenuhi dan menepati keperluan sukatan dan kurikulum bahasa Arab sekolah rendah yang menunjukkan nilai min 4.57 dan ini membuktikan Item 1 mendapat tahap persetujuan yang sangat tinggi. Tahap persetujuan yang tinggi daripada aspek kandungan ini adalah disebabkan beberapa rujukan terhadap buku teks dan juga sukatan pelajaran bahasa Arab telah dianalisis terlebih dahulu sebelum aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini dibangunkan. Keadaan ini bertujuan untuk memastikan isi kandungan aplikasi mudah alih tersebut menepati dengan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tahun satu.

Secara keseluruhan keempat-empat item menunjukkan respons yang sangat positif dan memperoleh skor min keseluruhan sebanyak 4.47. Hal ini menunjukkan bahawa para guru berpendapat yang aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini mudah digunakan Selain itu mereka juga menyatakan bahawa bahasa yang digunakan di dalam aplikasi mudah alih ini sangat jelas daripada segi teks dan juga audio. Hal ini kerana audio yang digunakan adalah merupakan suara penutur jati bahasa Arab manakala teks yang digunakan pula bersaiz besar supaya memudahkan pengguna untuk melihatnya. Aplikasi ini juga disertai dengan arahan bagi setiap menu yang dipaparkan dan arahan tersebut mudah untuk difahami dan diikuti. Maka secara tidak langsung, aplikasi ini boleh digunakan oleh para pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab, khususnya kemahiran bertutur dan mendengar dengan cara yang tersendiri tanpa batasan masa dan juga tempat. Walaubagaimanapun, para pelajar perlu mendapat bimbingan terlebih dahulu daripada guru sebelum menggunakannya. Hal ini dapat menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ingin merealisasikan konsep pembelajaran dan pengajaran berlandaskan abad ke-21.

Jadual 3 : Keseluruhan Aplikasi Mudah Alih Bahasa Arab Pintar

Bil.	Item	Min	Interpretasi
1	Aplikasi mudah alih ini menarik	4.63	Sangat setuju
2	Aplikasi mudah alih ini mudah dikendalikan	4.40	Sangat setuju
3	Aplikasi mudah alih ini sangat mesra pengguna	4.43	Sangat setuju
4	Aplikasi mudah alih ini mengalakkan inovasi dan memberikan idea-idea baru kepada guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab	4.83	Sangat setuju
Min Keseluruhan		4.57	Sangat setuju

Jadual 3 memaparkan taburan min keseluruhan bagi aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini. Min keseluruhan yang dipaparkan pada Jadual 3 ialah 4.57 dan ini menunjukkan ia berada pada interpretasi 'Sangat Setuju' di kalangan responden iaitu para Guru bahasa Arab. Item 4 adalah item yang mencapai nilai min yang paling tinggi iaitu 4.83. Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Maimum et al., (2019) yang menegaskan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab memerlukan inovasi bagi membolehkan Bahasa Arab dapat dikuasai dengan baik. Ini kerana kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran Bahasa Arab dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab (Mohammad Taufiq et al., 2019). Selain itu, Zulkifli et al., (2018) juga menyatakan bahawa pembelajaran Bahasa Arab seharusnya disampaikan dengan pendekatan yang menarik supaya pelajar dapat mengalami pengalaman pembelajaran yang mengembirakan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini telah berjaya dibangunkan dan tujuan pembangunan ini adalah untuk membantu para guru Bahasa Arab dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang boleh digunakan di dalam pengajaran bahasa Arab yang berteraskan teknologi. Daripada hasil penilaian yang dilakukan, telah terbukti bahawa aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini telah mendapatkan sokongan yang positif daripada di kalangan para guru Bahasa Arab. Hal ini membuktikan bahawa gabungan elemen multimedia interaktif dapat menjadikan aplikasi mudah alih ini menarik dan sesuai untuk digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Diharapkan, pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang lebih berinovasi dan berinteraktif dapat ditingkatkan lagi pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abd Razak bin Abu Chik (2007). Memperkenalkan Bahan Bahasa Arab Yang Menarik dan Khidmat Bimbingan Secara Percuma. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban.
- Awatif, A., Hairun, N., Ku, F., & Siti, N. (2016). Penguasaan bahan bacaan bahasa Arab melalui teknik membaca SQ3R. *Journal of Social Science & Humanities*, 3(3), 69-80.
- Cho Min Sung, Mazlina Ahmad, Noor Rohana Mansor, Roswati Abdul Rashid, Nurul Ain Chua Abdullah. (2019). The Effectiveness of Mobile Application in Learning Malay Foreign Language. *Journal of Physics: Conference Series*, 1529 042064.
- Ducate, L., & Lomicka, L. (2013). Going mobile: Language learning with an iPod touch in intermediate French and German classes. *Foreign Language Annals*, 46(3), 445-468.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Jurnal ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*1(1), 1-13.

- Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar & Mohd Azaharin. (2019). Inovasi Sistem Pendidikan dan Strategi Pengajaran Bahasa Arab di Era Milenial 4.0. *Jurnal ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*1(1), 9-20.
- Mohammad Taufiq, A. G., Wan Ab Aziz, W. D., & Mohammad Najib, J. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84–94.
- Mohammad H. A., Ahmad, K., & Abdul, H. Z. (2020). The Efficiency of Using Pictures in Teaching Speaking Skills of Non-native Arabic Beginner Students. *Universal Journal of Educational Research*, 8(3), 872-878.
- Nurul. I, Qismullah. Y, and Nurul. F, Exploring undergraduate students' perception toward the use of duolingo in learning English. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(3),76–85.
- Kamal. Y. (2020). The Role of Mobile Applications in Learning Arabic-Indonesian Translation. *Journal of Physics: Conference Series*, 1529 042064.
- Penkhae Wongsuriya. (2020). Improving the Thai students' ability in English pronunciation through mobile application. *Educational Research and Reviews*, 15(4), 175-185.
- Salehudin, N. N., Hassan, H. N., & Hamid, N. A. A. (2015). Matematik dan Kemahiran Abad Ke-21: Perspektif Murid. *Jurnal Pendidikan Matematik*. 3(1), 24-36.
- Sueraya.C.H, Ahmed. M, Ismaiel. H, Mamat, A, Wan Ahmad, W. R, Rawash, F. M. (2016) Challenges in learning to speak Arabic. *Journal of Education and Practice*. 7 (24). 80-85.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*.11(2). 67-82.
- Zulkifli, M.S., Jamali, H.N., Hj Iksan, H. & Ismail, A. (2018). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab Di Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5(1), 128-137.